



# **GARIS PANDUAN PERLETAKAN BARANG JUALAN PERNIAGAAN SEMENTARA DI ATAS SIAR KAKI (KAKI LIMA) PREMIS PERNIAGAAN**

**Majlis Bandaraya Seberang Perai  
Jabatan Pelesenan**

# KANDUNGAN

| BIL. | PERKARA   | MUKA SURAT |
|------|---|------------|
| 1.   | Tujuan  | 3          |
| 2.   | Latar Belakang  | 3          |
| 3.   | Undang-Undang Dan Peraturan Atau Garis Panduan Yang Digunakan   | 4          |
| 4.   | Punca Kuasa   | 4          |
| 5.   | Definisi Perletakan Barang Perniagaan   | 5          |
| 6.   | Prinsip Perletakan Barang Perniagaan Di Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan                                   | 5          |
| 7.   | Spesifikasi Perletakan Barang Perniagaan Di Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan                               | 6          |
| 8.   | Jenis Aktiviti Perniagaan Yang Dibenarkan Meletakkan Barang Perniagaan Di Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan | 8          |
| 9.   | Keperluan Permit Perletakan Barang Perniagaan Di Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan                          | 8          |
| 10.  | Tempoh Masa Perletakan Barang Perniagaan Di Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan                               | 9          |
| 11.  | Insurans Tanggungan Awam  | 8          |
| 12.  | Tatacara Pengenaan Permit Perletakan Barang Perniagaan Di Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan                 | 9          |
| 13.  | Kadar Bayaran Permit Perletakan Barang Perniagaan Di Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan                      | 9          |
| 14.  | Tempoh Permit Perletakan Barang Perniagaan di Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan                             | 10         |
| 15.  | Syarat-Syarat Perletakan Barang Perniagaan Di Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan                             | 10         |



## 1.0 TUJUAN

Garis Panduan Perletakan Barang Jualan Perniagaan Sementara di Atas Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan disediakan bagi memandu dan mengawal perletakan barang perniagaan di siar kaki (kaki lima) premis perniagaan di seluruh Seberang Perai supaya lebih teratur, kemas dan selamat.

Fungsi garis panduan ini adalah seperti berikut :

- i. Digunapakai oleh MBSP di dalam merancang dan memproses permohonan bagi perletakan barang perniagaan di siar kaki (kaki lima) premis perniagaan.
- ii. Memberi panduan kepada pengusaha perniagaan dalam meletakkan barang perniagaan secara sementara di siar kaki (kaki lima) premis perniagaan masing-masing.

## 2.0 LATAR BELAKANG

Perletakan barang perniagaan di siar kaki (kaki lima) premis perniagaan bukan satu perkara yang asing kepada perniagaan di negara ini dan kawasan Seberang Perai. Walaupun secara asasnya siar kaki (kaki lima) merupakan satu kawasan yang seharusnya menjadi tempat awam selaras dengan seksyen 46, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, namun ianya telah menjadi satu kebiasaan kepada pengusaha perniagaan untuk meletakkan barang perniagaan mereka di siar kaki (kaki lima).

Ketiadaan satu kawalan yang khusus dalam menguruskan perletakan barang perniagaan di siar kaki (kaki lima) telah mengakibatkan orang awam dan Orang Kurang Upaya dinafikan hak untuk menggunakan ruang tersebut. Di samping itu, kewujudan pelbagai binaan tambahan di siar kaki (kaki lima) turut mengundang kepada kesukaran kepada MBSP untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan longkang yang akhirnya menyebabkan risiko kepada banjir kilat di kawasan tersebut.

Dalam mengatasi isu tersebut, MBSP telah mengambil tindakan proaktif untuk membangunkan garis panduan ini sebagai satu platform untuk mengawal isu-isu tersebut. Garis panduan ini akan menekankan kepada aspek spesifikasi perletakan barang perniagaan di siar kaki (kaki lima) premis, jenis aktiviti yang dibenarkan meletakkan barang perniagaan di siar kaki (kaki lima) premis, had perletakan barang perniagaan, serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh individu / peniaga dan perkara-perkara lain berkaitan permit untuk rujukan dan perhatian umum.



### 3.0 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN ATAU GARIS PANDUAN YANG DIGUNAPAKAI

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang dan peraturan atau garis panduan berikut :

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- ii. Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen, Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980
- iii. Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974
- iv. Garis Panduan Piawaian Perancangan Jabatan Perancang

### 4.0 PUNCA KUASA

Pelaksanaan garis panduan ini melalui seksyen 72 (1) (c) dan 107, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) iaitu seperti berikut :

#### i. Seksyen 72. Kuasa

(1) Sesuatu pihak berkuasa tempatan adalah mempunyai kuasa bagi melakukan semua atau manamana daripada perkara yang berikut, iaitu:

(c) untuk melesen bangunan sementara, gerai, meja, papan tunjuk, kereta sorong, gadi, trisikal atau bekas lain sama ada tetap pada sesuatu tempat atau tidak, yang didirikan atau digunakan untuk menjual atau mendedahkan untuk jualan—

(i) apa-apa makanan atau minuman di jalan, tempat awam atau tempat tumpuan awam atau di premis persendirian;

(ii) barang-barang lain daripada makanan atau minuman di jalan, tempat awam atau tempat tumpuan awam, dan untuk menyita, memusnahkan atau melupuskannya jika ia tidak dilesen sedemikian;

#### ii. Seksyen 107. Lesen

(1) Pada memberi sesuatu lesen atau permit, sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh menetapkan bayaran bagi lesen atau permit itu dan caj bagi memeriksa atau menyelia apa-apa tred, pekerjaan atau premis yang mengenainya lesen itu diberi.

(2) Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.



## 5.0 DEFINISI PERLETAKAN BARANG PERNIAGAAN

- i. **Barang Perniagaan** - *Barang perniagaan merujuk kepada apa-apa barang secara fizikal yang digunakan untuk atau berhubung dengan tred perniagaannya*
- ii. **Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan** - *Siar kaki (kaki lima) premis perniagaan adalah merujuk kepada laluan pejalan kaki yang dilekukkan di aras bawah sesebuah bangunan dari jalan, agar aras-aras yang menganjur di atas boleh meneduh pejalan kaki dari cuaca buruk.*

## 6.0 PRINSIP PERLETAKAN BARANG PERNIAGAAN DI SIAR KAKI (KAKI LIMA) PREMIS PERNIAGAAN

### 6.1 Aktiviti Perniagaan Mempunyai Lesen Perniagaan MBSP Yang Sah.

Perniagaan yang hendak meletakkan barang perniagaan di siar kaki (kaki lima) perlulah mempunyai lesen perniagaan (Lesen Premis dan Iklan) MBSP yang sah.

### 6.2 Perletakan Barang Perniagaan di Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan Tidak Menyebabkan Kacau Ganggu

Perletakan barang perniagaan di atas siar kaki (kaki lima) hendaklah tidak menyebabkan sebarang kacau ganggu atau menghalang laluan pejalan kaki dan Orang Kurang Upaya (OKU) dengan meletakkan barang melebihi had yang dibenarkan dan dari segi aspek-aspek lain.

### 6.3 Tiada Binaan Kekal Tanpa Kebenaran di Atas Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan

Siar kaki (kaki lima) premis perniagaan tidak dibenarkan sebarang binaan secara kekal termasuk jeriji besi, pintu gegulung (*roller shutter*) atau apa-apa struktur kekal yang beroda. Sebarang struktur yang digunakan hendaklah yang bersifat mudah alih dan tidak boleh ditinggalkan di hadapan premis perniagaan selepas waktu perniagaan.


### 6.4 Barang Perniagaan Yang Diletakkan di Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan Hendaklah Bersifat Mudah Alih

Perletakan barang perniagaan di siar kaki (kaki lima) premis perniagaan hendaklah mudah dialihkan dan tidak diletakkan secara kekal selepas aktiviti perniagaan.




## 7.0 SPESIFIKASI PERLETAKAN BARANG PERNIAGAAN DI SIAR KAKI (KAKI LIMA) PERMIS PERNIAGAAN


- 7.1 Perletakan barang perniagaan dibenarkan di kaki lima premis perniagaan sama ada di bahagian merapati dinding hadapan atau pintu masuk premis perniagaan atau di bahagian luar sempadan siar kaki (kaki lima) dengan longkang / jalan .
- 7.2 Terdapat penyediaan ruang 1 meter bagi ruang pejalan kaki dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang diukur dari garisan luar perletakan barang perniagaan hingga ke sempadan seperti berikut :
- i. Penjuru bahagian dalam tiang premis – bagi premis perniagaan yang mempunyai tiang di hadapan premis perniagaan;
  - ii. Sempadan siar kaki (kaki lima) – bagi premis tidak mempunyai tiang di hadapan premis.



- 7.3 Bagi siar kaki (kaki lima) yang bertingkat dan siar kaki (kaki lima) yang tidak mempunyai *ramp* OKU atau tidak sesuai bagi pengguna OKU atau mana-mana siar kaki (kaki lima) yang ditentukan oleh Jabatan Pelesenan, ruang minima yang perlu disediakan untuk ruang pejalan kaki masih tertakluk kepada 1 meter.
- 7.4 Walau bagaimanapun, penyediaan ruang kurang daripada ukuran 1 meter iaitu 0.85 meter dibenarkan tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan Pegawai Pelesenan iaitu Datuk Bandar dan Setiausaha Bandaraya.




- 7.5 Perletakan barang perniagaan hendaklah tidak melebihi ketinggian dua (2) meter dari aras lantai. Barang perniagaan hendaklah tidak berbahaya dan susunan barang perlulah kemas dan teratur supaya tidak mudah jatuh. Barang perniagaan tidak boleh digantung di tempat laluan pejalan kaki.




- 7.6 Bagi barang perniagaan yang digantung, spesifikasi perletakan barang perniagaan adalah seperti berikut :

- i. Barang perniagaan yang digantung hendaklah tidak berat dan membahayakan orang awam.
- ii. Had ketinggian barang perniagaan hendaklah melebihi 1.5 meter dari aras lantai bagi lorong siar kaki (kaki lima).
- iii. Had ketinggian barang perniagaan bagi laluan masuk dari hadapan premis hendaklah bertinggian atau lebih daripada 1.8 meter dari aras lantai.
- iv. Barang perniagaan tidak boleh digantung di ruang minima laluan pejalan kaki yang disediakan bersaiz 1 meter.



**Pandangan sisi siar kaki (kaki lima)**



**Pandangan hadapan premis perniagaan**

- 7.7 Barang perniagaan yang diletakkan dan dipamerkan di siar kaki (kaki lima) hendaklah tidak mudah terbakar, meletup dan membahayakan orang awam melainkan peralatan barangan memasak.

- 7.8 Bagi premis kedai makan atau restoran, perletakan barang perniagaan yang melibatkan tempat penyediaan makanan atau meja jualan (selain meja makan) hanya dibenarkan kepada :

- i. peniaga yang telah mempunyai lesen premis dan iklan;
- ii. peniaga di dalam kedai makan atau restoran yang telah dilesenkan di dalam lesen premis kedai makan/ restoran tersebut sebagai gerai dalam kedai.



## **8.0 JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN MELETAKKAN BARANG PERNIAGAAN DI SIAR KAKI (KAKI LIMA) PREMIS PERNIAGAAN**

- i. Kedai Pakaian
- ii. Kedai Runcit / Pasar Mini
- iii. Kedai Buku
- iv. Kedai Barangan Plastik
- v. Kedai Barangan Logam / Hardware
- vi. Pasaraya
- vii. Kedai Menjual Baja dan Peralatan Pertanian
- viii. Kedai Makan / Restoran (Selain daripada meja dan kerusi tambahan)
- ix. Kedai Alat Telekomunikasi
- x. Kedai Karpit
- xi. Kedai Barangan Elektrik
- xii. Kedai Jualan Bunga
- xiii. Kedai Jualan Buah-buahan
- xiv. Kedai Haiwan Peliharaan
- xv. Bengkel Kenderaan dan Kedai Aksesori (tidak dibenarkan menjalankan aktiviti membaiki kenderaan di siar kaki (kaki lima)).
- xvi. Kedai Perabot
- xvii. Kedai Peralatan Sembahyang
- xviii. Aktiviti-aktiviti perniagaan lain yang dibenarkan oleh Jabatan Pelesenan

## **9.0 KEPERLUAN PERMIT PERLETAKAN BARANG PERNIAGAAN DI SIAR KAKI (KAKI LIMA) PREMIS PERNIAGAAN DI KAWASAN BERSTRATA**

9.1 Premis perniagaan berstrata di seluruh Seberang Perai juga adalah tertakluk kepada keperluan permit ini mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

9.2 Permohonan permit perlu mengemukakan bersama:

- i. Surat persetujuan / kelulusan daripada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC).
- ii. Minit Mesyuarat AGM / EGM yang telah mendapat persetujuan dan undian  $\frac{3}{4}$  undi sah. Jika tiada JMB/MC, pemohon hendaklah mendapatkan surat sokongan daripada ADUN Kawasan atau Penyelaras Kadun.





## 10.0 TEMPOH MASA PERLETAKAN BARANG PERNIAGAAN DI SIAR KAKI (KAKI LIMA) PREMIS PERNIAGAAN

Perletakan barang perniagaan di siar kaki (kaki lima) premis perniagaan adalah tertakluk kepada masa operasi perniagaan/ perkhidmatan yang dijalankan. Pengusaha perniagaan hendaklah mengosongkan siar kaki (kaki lima) premis perniagaan setelah tamat waktu perniagaan.

## 11.0 INSURANS TANGGUNGAN AWAM

Pemohon hendaklah mengambil dan mempunyai perlindungan insurans tanggungan awam (*Public Liability*) bernilai RM500,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Ribu Sahaja). Polisi insurans hendaklah berkuatkuasa dan sah dalam tempoh Permit Perletakan Barang Perniagaan Di Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan dikeluarkan oleh MBSP.

## 12.0 TATACARA PENGENAAN PERMIT PERLETAKAN BARANG PERNIAGAAN DI SIAR KAKI (KAKI LIMA) PREMIS PERNIAGAAN

- 12.1 Pemohon perlu login masuk ke akaun pengguna awam Sistem Pengurusan Lesen Interaktif dan Bersepadu (Speedbiz) melalui <https://speedbiz.mbsp.gov.my/login>
- 12.2 Tekan butang 'Mohon Lesen Baru' dan pilih Permit Perletakan Barang di Siar Kaki (Kaki Lima).
- 12.3 Isi maklumat permohonan dan muat naik dokumen yang diperlukan.
- 12.4 Hantar permohonan lesen. Masukkan nombor kad pengenalan bagi tujuan pengesahan dan hantar permohonan tersebut.
- 12.5 Log keluar akaun pengguna.

## 13.0 KADAR BAYARAN PERMIT PERLETAKAN BARANG PERNIAGAAN DI SIAR KAKI (KAKI LIMA) PREMIS PERNIAGAAN

Kadar bayaran permit yang perlu dibayar oleh peniaga bagi adalah seperti berikut :

| Bil. | Jenis Premis                           | Kadar Bayaran             |
|------|--|---------------------------|
| 1.   | Lot Tengah ( <i>Intermediate Lot</i> ) | RM 1,200.00 / lot setahun |
| 2.   | Lot Hujung ( <i>End Lot</i> )          | RM 1,200.00 / lot setahun |
| 3.   | Lot Tepi ( <i>Corner Lot</i> )         | RM 2,400.00 / lot setahun |



**14.0 TEMPOH PERMIT PERLETAKAN BARANG PERNIAGAAN DI SIAR KAKI (KAKI LIMA) PREMIS PERNIAGAAN**

Tempoh masa permit adalah satu (1) tahun. Pemilik premis perlu perbaharui permit setiap tahun.

**15.0 SYARAT-SYARAT PERLETAKAN BARANG PERNIAGAAN DI SIAR KAKI (KAKI LIMA) PREMIS PERNIAGAAN TIDAK TERMASUK KOMPLEKS MAKANAN MBSP**

- a. Siar kaki (kaki lima) yang digunakan bagi perletakan barang perniagaan hendaklah mempunyai ruang minima 1 meter bagi kegunaan pejalan kaki dan Orang Kurang Upaya (OKU). Penyediaan ruang 1 meter bagi ruang pejalan kaki dan Orang Kurang Upaya (OKU) adalah mengikup sempadan yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Perletakan Barang Jualan Perniagaan Sementara Di Atas Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan.
- b. Bagi siar kaki (kaki lima) yang bertingkat dan siar kaki (kaki lima) yang tidak mempunyai *ramp* OKU atau tidak sesuai bagi pengguna OKU atau mana-mana siar kaki (kaki lima) yang ditentukan oleh Jabatan Pelesenan, ruang minima yang perlu disediakan untuk ruang pejalan kaki masih tertakluk kepada 1 meter.
- c. Walau bagaimanapun, penyediaan ruang kurang daripada ukuran 1 meter iaitu 0.85 meter dibenarkan tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan Pegawai Pelesen iaitu Datuk Bandar dan Setiausaha Bandaraya.
- d. Ruang siar kaki (kaki lima) hendaklah tidak menghalang pejalan kaki dan Orang Kurang Upaya (OKU).
- e. Ketinggian barang perniagaan yang diletakkan di siar kaki (kaki lima) premis perniagaan hendaklah tidak melebihi dua (2) meter dari aras lantai.
- f. Had ketinggian barang perniagaan hendaklah melebihi 1.5 meter dari aras lantai bagi lorong siar kaki (kaki lima).
- g. Had ketinggian barang perniagaan bagi laluan masuk dari hadapan premis hendaklah ketinggian atau lebih daripada 1.8 meter dari aras lantai.
- h. Barang perniagaan tidak boleh digantung di ruang laluan pejalan kaki yang disediakan bersaiz 1 meter.



- i. Tiada sebarang struktur kekal atau sebarang pindaan terhadap struktur sedia ada dibenarkan didirikan di siar kaki (kaki lima) tanpa kebenaran MBSP. Sebarang struktur yang digunakan hendaklah yang bersifat mudah alih dan tidak boleh ditinggalkan di hadapan premis perniagaan selepas waktu perniagaan.
- j. Barang perniagaan yang diletakkan di siar kaki (kaki lima) hendaklah mudah alih dan tidak membahayakan atau merisikokan pejalan kaki dan Orang Kurang Upaya (OKU).
- k. Pengusaha perniagaan adalah dipertanggungjawabkan untuk memastikan tiada sebarang aduan dan permasalahan berhubung penggunaan siar kaki (kaki lima) ini.
- l. Sekiranya dalam tempoh sah laku permit perletakan barang perniagaan di atas siar kaki (kaki lima) ini terdapat aduan atau apa-apa kacau ganggu kepada premis berhampiran, orang awam atau persekitaran, tindakan penguatkuasaan akan dijalankan mengikut peruntukan yang ada.
- m. Kelulusan permit boleh dibatalkan atau tidak diperbaharui oleh MBSP jika terdapat aduan atau pada hemah MBSP berpandangan tidak sesuai untuk permit diteruskan.
- n. Perniagaan yang ingin meletakkan barang perniagaan di siar kaki (kaki lima) hendaklah mempunyai lesen perniagaan MBSP yang sah (Lesen Premis dan Iklan).
- o. Permit Perletakan Barang Jualan Perniagaan Sementara Di Atas Siar Kaki (Kaki Lima) premis perniagaan perlu dipamerkan di tempat yang mudah dilihat dan dikemukakan kepada pegawai penguatkuasaan apabila diminta.
- p. Pegawai penguatkuasa boleh menyita apa-apa barang perniagaan di atas siar kaki (kaki lima) atau menarik semula permit sekiranya berlaku sebarang pelanggaran syarat-syarat permit.
- q. Pihak MBSP tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos kerosakan, perpindahan atau kemalangan kepada pengusaha perniagaan atau orang awam sepanjang tempoh sah permit.



- r. Pengusaha perniagaan / pemegang permit tidak boleh mengemukakan sebarang tuntutan, bayaran atau yang berkaitan kepada pihak MBSP terhadap apa-apa permasalahan yang berlaku sepanjang tempoh permit.
- s. Pengusaha perniagaan / pemegang permit perlu menanggung sebarang kemalangan, kerosakan atau apa-apa yang berlaku disebabkan oleh perletakan barang perniagaan di atas siar kaki (kaki lima) premis perniagaan.
- t. Pemohon hendaklah mengambil perlindungan Insuran Tanggungan Awam (*Public Liability*) bernilai RM 500,000.00 bagi setiap kemalangan yang berlaku akibat daripada perletakan barang perniagaan di siar kaki (kaki lima) dan sah sepanjang tempoh permit siar kaki (kaki lima) berkuatkuasa.
- u. Permit tidak boleh disewakan / dialibabakan / dipajak kepada mana-mana individu lain atau warga negara asing tanpa kelulusan bertulis daripada MBSP.
- v. Permit yang dikeluarkan boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh MBSP sekiranya pemegang permit gagal mematuhi syarat-syarat permit atau perkara-perkara yang termaktub di dalam Garis Panduan Perletakan Barang Perniagaan Sementara di Atas Siar Kaki (Kaki Lima), MBSP.
- w. Barang perniagaan yang diletakkan dan dipamerkan di siar kaki (kaki lima) hendaklah tidak mudah terbakar, meletup dan membahayakan orang awam melainkan peralatan barangan memasak.
- x. Bagi premis kedai makan atau restoran, perletakan barang perniagaan yang melibatkan tempat penyediaan makanan atau meja jualan hanya dibenarkan kepada peniaga yang telah dilesenkan di dalam lesen premis kedai makan/ restoran tersebut sebagai gerai dalam kedai.
- y. Aktiviti perniagaan seperti bengkel kenderaan dan kedai aksesori adalah tidak dibenarkan menjalankan aktiviti membaiki kenderaan di siar kaki (kaki lima).
- z. Ruang siar kaki (kaki lima) tidak boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain yang disewa kepada peniaga lain.
- aa. Mematuhi Garis Panduan Perletakan Barang Jualan Perniagaan Sementara di Siar Kaki (Kaki Lima) Premis Perniagaan yang diluluskan dan dikuatkuasakan oleh MBSP.





Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**Jabatan Pelesenan  
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Menara Bandaraya  
Jalan Perda Utama  
Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam**

**Tel: 04-5497680  
[pelesenan@mbasp.gov.my](mailto:pelesenan@mbasp.gov.my)**

**Majlis Bandaraya Seberang Perai  
Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda,  
14000 Bukit Mertajam**

